

# KKTINPB tawar pelbagai manfaat

Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
pengarang@utusan.com.my

■ JERANTUT 18 FEB.

**A**NGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyarankan agar semua koperasi dan penternak ikan sangkar menganggotai Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang Berhad (KKTINPB) bagi membolehkan mereka menerima pelbagai manfaat yang ditawarkan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sejak dilancarkan pada Disember 2013 dengan modal sebanyak RM500,000, keanggotaan koperasi dan penternak akuakultur di negeri ini dalam konsortium tersebut kurang memberangsangkan.

Menurut beliau, mereka seharusnya merebut peluang yang ditawarkan kerana konsortium itu turut memainkan peranan dalam kegiatan memproses ikan air tawar untuk dipasarkan kepada sektor industri makanan.

“Angkasa memohon kepada koperasi di kampung tradisional serta penternak di pesisir Sungai Pahang yang mengusahakan sebanyak 12,000 buah sangkar di Lipis, Jerantut, Temerloh, Maran dan Pekan supaya menganggotai konsortium ini bagi memperoleh faedah berkenaan.

“Koperasi dan penternak yang bergabung juga boleh melaksanakan kajian dan pembangunan mengenai pembenihan, penguurusan ternakan, pengumpulan



**ABDUL FATTAH ABDULLAH (tiga dari kiri) bersama Mazlan Abdul Malek (kanan) memberi makanan kepada ikan patin yang ditenak di Sungai Pahang, berdekatan Kampung Lada, Jerantut, Pahang, semalam.**

hasil dan pasaran, makanan ikan dan industri hiliran berasaskan ikan air tawar menerusi bantuan agensi kerajaan,” katanya.

Abdul Fattah berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja di pusat ternakan ikan sangkar Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad di Kampung Lada, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Korporat Angkasa, Borhan Mat Aris dan Pengerusi Koperasi Tunas Lada Jerantut

Berhad, Mazlan Abdul Malek.

Menurut Abdul Fattah, kolaborasi antara koperasi dan penternak ikan sangkar dalam konsortium itu berupaya membantu mengumpulkan hasil untuk pasaran dengan penetapan harga yang kompetitif berbanding ikan yang diimport.

“Secara langsung ia dapat membantu kerajaan mengurangkan import ikan dari negara luar di pasaran negara ini memandangkan permintaan ikan air tawar

semakin meningkat untuk makanan harian dan industri hiliran.

“Konsortium ini juga akan membantu pasaran ikan patin yang menjadi ‘jenama’ negeri ini di semua pasar raya seluruh negara, Pasar Raya Darulmakmur (PDM) di bawah Majlis Ugama Islam Pahang, kerjasama dengan restoran tertentu terutamanya Selangor dan Kuala Lumpur serta pusat jualan tertentu yang mampu memenuhi permintaan orang ramai,” katanya.